

Tarikh Temuduga Pengambilan Guru One-off SPP



By [badra](#)

**PENGAMBILAN KHAS GURU
SECARA ONE-OFF**

18,702

**PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
GRED DG41**

SIDANG MEDIA 20.6.2021 | KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

The infographic features a dark green background with white text. At the top, it reads 'PENGAMBILAN KHAS GURU SECARA ONE-OFF'. In the center, the number '18,702' is displayed in a large, bold font. Below this, it says 'PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41'. At the bottom right, there is a small inset video frame showing a man in a suit speaking. At the very bottom, there is a small line of text: 'SIDANG MEDIA 20.6.2021 | KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA'.

TARIKH TEMUDUGA PENGAMBILAN GURU ONE-OFF DG41

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah melaksanakan urusan Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 Secara One-Off Tahun 2021 bagi 47 opsyen secara besar-besaran mulai 7 Julai yang lalu.

Graduan Pendidikan dan Bakal Graduan Pendidikan (calon-calon) semester akhir pengajian daripada universiti awam, swasta atau luar negara adalah layak memohon jawatan mengikut bidang dan institusi pengajian yang telah tersenarai dalam Sistem Pengambilan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (mySPP) serta mendapat pengiktirafan daripada Malaysian Qualification Agency (MQA).



**PENGAMBILAN KHAS GURU
SECARA ONE-OFF**

18,702

**PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
GRED DG41**

SIDANG MEDIA 20.6.2021 | KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Proses Semakan Pemohon

Susulan daripada pembukaan jawatan tersebut, difahamkan SPP telah menerima lebih dua kali ganda permohonan daripada jumlah cadangan Pengambilan Khas PPP DG41 yang berakhir hingga 21 Julai 2021.

Daripada jumlah permohonan itu, lebih 36 ribu permohonan daripada graduan memiliki iktisas pendidikan.

Dalam sidang media yang lalu juga dimaklumkan antara mata pelajaran dengan kekurangan guru tertinggi adalah seperti berikut:

Sekolah Rendah

- Bahasa Inggeris
- Sejarah
- Pendidikan Khas
- Pendidikan Agama Islam
- Teknologi Maklumat & Komunikasi

Sekolah Menengah

- Bahasa Melayu
- Bahasa Inggeris
- Pendidikan Khas
- Pendidikan Agama Islam
- Reka Bentuk & Teknologi

Tarikh Temuduga SPP

Menurut makluman terkini dari pihak SPP, semakan permohonan masih dalam proses dan temuduga dijangka bermula hujung **Ogos 2021**.

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah menerima permohonan melebihi dua (2) kali ganda cadangan Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara 'One Off' melalui portal mySPP sehingga tarikh tutup pada 21 Julai 2021.

Buat masa ini, SPP sedang dalam proses menyemak permohonan yang diterima, di mana daripada jumlah keseluruhan tersebut terdapat lebih 36 ribu adalah permohonan daripada graduan dan bakal graduan yang memiliki Ijazah atau Diploma dalam bidang Pendidikan.

Pelaksanaan temu duga bagi urusan pengambilan ini dijangka bermula pada hujung bulan Ogos 2021.

Sekian, untuk makluman.

Tarikh Penempatan

Menurut siaran media terdahulu, penempatan bagi calon yang berjaya akan dibuat **bermula Oktober secara berperingkat**.



**Penempatan
secara berperingkat
mulai Oktober 2021**

SIDANG MEDIA 20.6.2021 | KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA 10

Semakan Status Temuduga SPP

Talian Hotline mySPP :

- Urusan Pengambilan 03-8893 4019 / 4020
- Urusan Teknikal 03-8893 4021 / 4022
- Sistem Pengurusan Aduan Awam, SPP (SISPAA-SPP): <https://spp.spab.gov.my/>

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Malaysia

Aras 1-4, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8871 7499
E-mel : pro@spp.gov.my